

**Soalan Percubaan SPM 2022 – Kelantan**

*Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Indah purnama dari puspita,  
cantik berseri di waktu malam,  
peranan utama adalah kita,  
membentuk diri cintakan alam.

Terbang kedidi singgah di kuala,  
elok bertenggek di tepi kali,  
kemusnahan terjadi di mana jua,  
jika harta menguasai diri.

Cantik bulan kerana terang,  
Ditambah bintang yang berkelipan,  
kehijauan hutan akan menghilang,  
kalau ditebang tanpa kawalan.

Bunga kemboja si bunga sena,  
dipetik jatuh satu persatu,  
pupus segala flora dan fauna,  
manusia hidup berhutankan batu.

## Bahan 2

Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku lali, Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper  
oleh Shahnnon Ahmad  
dalam antologi Harga Remaja,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

1. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *semakin tohor*. [2 markah]

2. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kesan-kesan pencemaran alam sekitar. [3 markah]

3. Kedua-dua bahan menjelaskan bahawa pencemaran membawa implikasi negatif kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi? [3 markah]

4. Isu pencemaran sungai sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat. Pencemaran ini telah menyebabkan sungai tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pembekal sumber air bersih untuk kegunaan harian dan lokasi menjalankan aktiviti riadah.

Sekiranya anda diberikan peluang menjadi Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia, apakah langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menjaga sungai di negara kita? [4 markah]

## Jawaban

1. Berdasarkan Bahan 2, rangkai kata semakin tohor bermaksud kian cetek.
2. Berdasarkan Bahan 1, antara kesan pencemaran alam sekitar termasuklah kepupusan flora dan fauna.

Berdasarkan Bahan 2 pula, satu daripada kesan pencemaran alam sekitar termasuklah ikan terperangkap dan banyak yang mati. Selain itu, sungai menjadi busuk.

3. Pada pendapat saya, antara punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi termasuklah sikap tidak bertanggungjawab individu dan organisasi. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang yang lemah. Di samping itu, pembuangan sisa industri dan pertanian yang tidak terkawal.
4. Sekiranya saya diberikan peluang menjadi Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia, antara langkah yang akan saya lakukan untuk menjaga sungai di negara kita termasuklah saya akan menyediakan pengurusan sisa yang terbaik. Selain itu, saya juga akan memperkasa pendidikan mengenai penjagaan sungai di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Di samping itu, saya akan menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat untuk membuka mata pesalah. Tambahan pula, saya akan menghijaukan kawasan berhampiran sungai.